



# **Yosua dan Hakim-Hakim**

# **Isi Kandungan**

- 1. Pengenalan kepada buku Yosua pg.7**
- 2. Yosua dan Pengintip Yerikho pg.11**
  - *Yosua 1:1-2:24*
  - *Pengutusan Yosua dan Pengintip Yerikho*
- 3. Yosua dan Pertempuran di Yerikho pg.18**
  - *Yosua 3 - 6*
  - *Menyeberangi Sungai Yordan dan penaklukan Yerikho*
- 4. Pertempuran di Ai pg.27**
  - *Yosua 7, 8 & 24*
  - *Pertempuran di Ai, Pembaharuan Perjanjian dan kematian Yosua*
- 5. Pengenalan kepada Buku Hakim-Hakim pg.34**
  - *Israel di Tanah Perjanjian*
- 6. Nabi Debora melawan Panglima Sisera pg.36**
  - *Hakim-Hakim 4:1 - 23*
  - *Debora menjadi Hakim dan Pertempuran dengan Sisera*
- 7. Gideon dan Orang Midian pg.46**
  - *Hakim-Hakim 6 -7*
  - *Gideon Meminta Petanda dan Menunjukkan Imannya Kepada Tuhan*
- 8. Simson - Kisah kelahiran dan perkahwinan yang luar biasa pg.55**
  - *Hakim-Hakim 13*
  - *Kelahiran dan perkahwinan Simson*
- 9. Simson menentang Orang Filistin pg.63**
  - *Hakim-Hakim 15:1 - 16:3*
- 10. Simson dan Delila pg.69**
  - *Hakim-Hakim 16:4 - 31*
  - *Simson digoda oleh Delila*
  - *Kemenangan Terakhir Simson*
- 11. Epilog Yosua dan Hakim-Hakim pg.77**
  - *Ringkasan pengajaran daripada Yosua dan Hakim-Hakim*
- 12. Rujukan pg.80**

# 1. Pengenalan kepada buku Yosua


### Gambaran Keseluruhan



Bangunan peringatan tempat kematian Musa di Gunung Nebo. Berdekatan sebuah tugu yang menyerupai Ular Tembaga.

Buku Yosua diletakkan sebagai buku keenam dalam Perjanjian Lama dan ia menyusuli buku Ulangan. Buku ini dikategorikan sebagai buku sejarah. Sebagai buku sejarah, tujuan utamanya bukanlah untuk merekodkan keseluruhan kejadian politik, ketenteraan mahupun kebangsaan.

Tujuan utamanya, seperti yang diringkaskan dalam Yosua 21:43-45, adalah untuk membuktikan Tuhan mengotakan janji yang diberikan-Nya kepada bapa leluhur Abraham, Isyak dan Yakub. Tuhan ialah sumber kemenangan mereka ke atas musuh. Umat-Nya hanya perlu patuh kepada hukum Musa dan kata-kata Yosua, pemimpin baharu mereka.



Pemandangan ke arah barat memperlihatkan Tanah Perjanjian (Israel) dari seberang Timur Sungai Yordan.




## Garis Masa

Buku Yosua bermula dengan kematian Musa di atas Gunung Nebo, lebih kurang 40 tahun selepas umat Israel meninggalkan Mesir. Tarikh berlakunya kejadian ini dianggarkan pada tahun 1400 - 1200 sebelum Masihi.

## Penaklukan

Kempen untuk menguasai tanah Kanaan boleh dibahagikan kepada tiga: kempen tengah, kempen selatan dan barat. Umat Israel menyeberangi sungai Yordan dari Mesir berdekatan dengan Gilgal dan Yerikho. Inilah permulaan kempen tengah yang melibatkan penaklukan kota Yerikho, Ai dan Betel dari pangkalan Israel di Gilgal. Kejadian ini berjaya memecahkan kerajaan-kerajaan Kanaan kepada dua serta memberikan tentera Yosua kuasa ke atas beberapa tempat di kawasan tengah Kanaan.

## Map of the Conquest of Canaan




Ketika Gibeon, sebuah kota jiran di kawasan tengah mencapai persetujuan dengan Israel, kota-kota di kawasan selatan membentuk satu pakatan untuk menghalang ancaman kemaraan umat Israel.


Orang Yebusi yang mendiami Yerusalem pada ketika itu mengambil tumpuk kepimpinan. Strategi mereka ialah melancarkan serangan bersepadu ke atas kota Gibeon sebagai pengajaran kerana mengkhianati. Disebabkan persetujuan antara mereka dan Israel, Yosua dan tenteranya membantu mempertahankan Gibeon. Tuhan memberikan Yosua kemenangan ke atas orang Yebusi.

Kempen ini dan kejadian yang menyusul memberikan Israel kuasa ke atas seluruh kawasan selatan. Kempen ketiga merupakan kempen melawan pakatan utara di bawah pimpinan kota Hazor.

Apabila ketiga-tiga kempen tersebut berjaya, seluruh tanah Kanaan menjadi kawasan di bawah kekuasaan Israel. Akan tetapi, masih banyak yang perlu dilakukan mereka. Tahap penaklukan yang seterusnya harus dilaksanakan oleh suku-suku Israel di kawasan masing-masing. Pada akhir hayat Yosua, dia telah memastikan umat Israel setia kepada Tuhan dan perjanjian-Nya sewaktu mereka memulakan kehidupan di tanah yang baru dimiliki.



*Ruang masuk yang sempit ke Kota Purba Petra  
Gambar oleh: Penulis*




*Unta di Bangunan Perbendaharaan Petra  
Gambar oleh: Penulis*



*Tiang Petra  
Gambar oleh: Stephen Chia*



Kostum askar purba Moab - Timur Sungai Yordan



Bedouin moden dari Yordan



## Pendekatan Buku Ini

Kita hanya akan membincangkan kempen pertama. Kami mengkhususkan tiga kisah pertama untuk Yosua dan penaklukan Yerikho, Ai dan Betel.

Akan tetapi, kita juga akan meneliti aspek lain dalam buku Yosua. Sebagai contohnya, hukuman Tuhan ke atas Akhan serta kasih dan belas kasihan Tuhan kepada Rahab. Kita juga akan mengkaji bagaimana Tuhan berurusan dengan Yosua dan tindak balas Yosua terhadap perintah-Nya. Akhir sekali, kita akan meneliti bagaimana Yosua memimpin umat Israel kembali mengamalkan perjanjian dan hukum Tuhan seperti yang dituliskan Musa.

Kata-kata terakhir Yosua kepada umat Israel harus menjadi inspirasi kita: "...pilihlah hari ini kepada siapa kamu akan beribadat... Tetapi kami, iaitu aku dan keluargaku, akan beribadat kepada Tuhan!" Yosua 24:15

## Tiga bab pertama dalam buku ini ialah adalah seperti berikut:

### **1. Yosua dan Pengintip Yerikho**

- Yosua mengambil alih kepimpinan
- Tuhan mengutus Yosua
- Para pengintip dan Rahab

### **2. Pertarungan di Yerikho**

- Menyeberangi Sungai Yordan
- Perayaan Paskah pertama di Tanah Perjanjian dan pembaharuan perjanjian melalui Sunat
- Pertempuran di Yerikho
- Penyelamatan Rahab

### **3. Pertempuran di Ai**

- Dosa Akhan
- Pertempuran di Ai
- Pembaharuan perjanjian di Gunung Gerizim dan Gunung Ebal seperti yang diajarkan Musa
- Pembahagian tanah dan kematian Yosua

Kostum pemanah purba Moab.  
Gambar oleh: Stephen Chia

# Yosua dan Hakim-Hakim

## 2. Yosua dan Pengintip Yerikho

(Yosua 1:1-9 Tuhan mengutus Yosua)

### Yosua 1:19 Tuhan mengutus Yosua

Setelah kematian Musa, Tuhan berfirman kepada Yosua anak Nun, <sup>Yosua 1:2</sup> "Hamba-Ku Musa telah mati. Sekarang, segeralah engkau dan seluruh bangsa ini menyeberangi Sungai Yordan untuk menuju negeri yang Kukurniakan kepada mereka, iaitu kepada orang Israel."

Yosua 1:6 "Kuatkanlah dan mantapkanlah hatimu kerana engkau akan memimpin bangsa ini mewarisi negeri seperti yang Kujanjikan dengan bersumpah kepada nenek moyang mereka untuk dikurniakan kepada mereka."

Yosua 1:7 "...Berhati-hatilah supaya melakukan seluruh hukum Taurat yang diperintahkan oleh hamba-Ku Musa kepadamu. Janganlah menyimpang ke kanan atau ke kiri, supaya engkau berhasil ke mana-mana pun engkau pergi."

Yosua 1:9 "Bukankah telah Kuperintahkan kepadamu, 'Kuatkanlah dan mantapkanlah hatimu'? Jangan gentar dan jangan kecut hati, kerana TUHAN, Allahmu, menyertai engkau ke mana-mana jua pun engkau pergi."

Tuhan memberikan Musa arahan khusus tentang cara menyusun kawasan perkhemanan. Setiap suku mempunyai kawasan khusus dan Khemah Tuhan didirikan di tengah-tengah kawasan tersebut.



Tuhan berfirman kepada Yosua "Hendak-lah engkau yakin dan berani."



"Berhati-hatilah supaya melakukan seluruh hukum Taurat yang diperintahkan oleh hamba-Ku Musa kepadamu."

